

JURNAL AKADEMIK

Abstract Of A Study Of Small And
Medium Industries In Sarawak

Dr. Ibrahim Shah
Nicholas Amin
Yap Yin
Iris Syawe Seh Ling

Malaysian Economy: Analysis Of
Performance In 1990, And Issues
Beyond

Annie Wong Muk Ngiik

Juruaudit Luaran Dan Juruaudit
Dalaman: Suatu Perbezaan

Shamsul Annuar Ahamad Ibrahim

Kursus Pra Perdagangan Di ITMCS
Suatu Tinjauan Ringkas Selepas
10 Tahun

Abdullah Abdul Latib

Pentadbiran: Dari Perspektif Islam
Dan Barat

Kamis Ismail

The Implications of NVC In The
Classroom

Ng Kui Choo

Aspek-Aspek Kemiskinan Di
Kalangan Setinggalan – Satu
Penyelidikan Khas Di Kampung
Baru Stutong, Tabuan Jaya, Kuching

Rosita Hj. Suhaimi

Kaji Selidik Kurikulum Diploma
Sains Kesetiausahaan

Lelawati Abd. Hamid

Keusahawanan Masyarakat Malaysia-
Ke Arah Kesepaduan Inisiatif
Usahawanan Dan Insentif Kerajaan

Mohamad Khairi Ismail

ISSN 0128-2635

JURUAUDIT LUARAN DAN JURUAUDIT DALAMAN: SUATU PERBEZAAN

SHAMSUL ANUAR AHAMAD IBRAHIM

Kebanyakan daripada kita selalu mendengar istilah juruaudit, tetapi hanya sesetengah daripada kita sahaja yang sedar bahawa sebenarnya terdapat dua jenis juruaudit, iaitu juruaudit luaran (JAL) dan juruaudit Dalaman (JAD). Setelah kita mengetahui bahawa sebenarnya terdapat dua jenis juruaudit marilah kita lihat dari sudut perbezaan mengenai kedua dua juruaudit ini untuk mengetahui dengan lebih mendalam lagi tentang mereka.

Kita mulakan dengan melihat definisi audit dan audit dalaman bagi melihat perbezaan yang pertama.

“**Audit** adalah satu pemeriksaan bebas dan pembentukkan pendapat terhadap penyata kewangan sesebuah perniagaan oleh seseorang juruaudit didalam memenuhi tanggungjawab terhadap perlantikan mereka dan juga bagi memenuhi sebarang tanggungan yang terdapat di dalam mana mana akta.”

Piawai pengauditan antarabangsa.

“**Audit dalaman** merupakan satu elemen sistem kawalan dalaman yang diadakan oleh pihak pengurusan sesebuah perniagaan untuk memeriksa dan melapur tentang sistem perakaunan dan kawalan-kawalan operasi. Kewujudannya adalah secara sukarela mahupun ada situasi yang merupakan peruntukan akta.”

Jawatankuasa kerja audit.

Daripada definisi diatas, kita mendapat kesimpulan bahawa tanggungjawab seseorang JAL adalah untuk membentuk pendapat tentang kebenaran dan kesaksamaan sesuatu penyata kewangan sesebuah syarikat dan kemudian nya melapurkan kepada ahli-ahli syarikat tentang kesimpulan tersebut. Bagi seorang JAD pula, mereka adalah bertanggungjawab untuk membantu pihak pengurusan menjalankan perniagaan dengan berkesan dan teratur.

Perbezaan kedua adalah dari segi perlantikan seorang JAL dan JAD. **Seksyen 172 (2) Akta Syarikat 1965** menyatakan “Sesebuah syarikat dikehendaki pada setiap mesyuarat agung tahunan syarikat itu melantik seorang atau pun beberapa orang untuk menjadi juruaudit syarikat itu, ...”

Dengan peruntukan diatas, kita dapat mengetahui bahawa perlantikan JAL bagi sebuah syarikat yang mempunyai tanggungan yang terhad adalah diwajibkan manakala bagi JAD pula, ia hanya diwajibkan bagi institusi-institusi kewangan mengikut peruntukan-peruntukan akta yang berkaitan dengan perniagaan tersebut sahaja.

Kelayakan bagi JAL dan JAD merupakan perbezaan yang ketiga dibincangkan disini. Untuk menjadi seorang JAL seseorang itu mestilah tidak termasuk didalam senarai yang di peruntukkan oleh **seksyen 9 Akta Syarikat 1965**. Di sini, peruntukan tersebut telah menyatakan.

- (1) Seseorang itu adalah tidak boleh dilantik menjadi juruaudit
 - (a) jika ia bukan seorang juruaudit syarikat dengan sah.
 - (b) jika ia berhutang kepada syarikat dengan jumlah yang lebih daripada \$2500.
 - (c) jika ia:
 - (i) adalah pegawai syarikat itu
 - (ii) adalah rakan kongsi, majikan ataupun kakitangan seorang pegawai syarikat
 - (iii) adalah rakan kongsi, ataupun kakitangan seorang kakitangan pegawai syarikat itu.
 - (d) jika ia bertanggungjawab ataupun rakan kongsi, majikan atau kakitangan kepada seorang yang bertanggungjawab untuk menyimpan buku daftar ahli atau pun buku daftar debentur.

- (2) Seorang bekas pegawai syarikat adalah tidak layak dilantik untuk menjadi juruaudit dalam tempoh masa 12 bulan dari tarikh perletakkan jawatan beliau.

Bagi seorang JAD pula, tiada terdapat sebarang kelayakan yang diperuntukan oleh sebarang akta, akan tetapi, Institut Audit Dalaman (Institute of Internal Auditors) telah mengesyorkan agar seorang JAD mempunyai kelayakan yang setaraf dengan seorang JAL.

Perbezaan seterusnya yang akan dibentangkan disini adalah mengenai kerja-kerja kedua-dua juruaudit ini. **Seksyen 174 Akta Syarikat 1965** telah menerangkan beban kerja seorang JAL yang mana mereka ini adalah diberikan kuasa untuk memeriksa semua rekod-rekod dan akaun-akaun dan juga untuk mendapat sebarang maklumat dan penerangan yang diperlukan bagi memenuhi tanggungjawab mereka untuk membuat laporan terhadap penyata kewangan syarikat. Manakala bagi seorang JAD pula, skop kerja mereka adalah bergantung kepada pihak pengurusan dan ini adalah berbeza dari satu masa ke satu masa.

Dengan skop kerja yang diperuntukkan oleh akta syarikat diatas, seseorang JAL adalah sentiasa mempunyai sikap bebas pada rupa jika dibandingkan dengan seorang JAD.

Akhir sekali, seorang JAL dan JAD akan mengeluarkan satu laporan tetapi disini, seorang JAL akan mengeluarkan satu laporan yang ditujukan kepada ahli-ahli syarikat. Laporan yang akan dikeluarkan adalah sama ada satu laporan bersih ataupun satu laporan bersyarat. Didalam satu laporan bersih, seorang JAL menyatakan bahawa penyata kewangan syarikat tidak mempunyai sebarang kesilapan yang matan manakala didalam satu laporan bersyarat pula seorang juruaudit menyatakan bahawa penyata kewangan syarikat mempunyai kesilapan-kesilapan yang matan dan mempunyai kesan terhadap kebenaran dan kesaksamaan penyata kewangan yang sedang dilapurkan tersebut.

Bagi seorang JAD pula, laporan mereka adalah ditujukan kepada pihak pengurusan syarikat dan laporan ini adalah mengenai perjalanan sesuatu sistem perakaunan atau polisi-polisi yang dipraktikkan didalam syarikat tersebut. Laporan ini akan digunakan oleh pihak pengurusan untuk memperbaiki perjalanan syarikat.

BIBLIOGRAFI

- 1 **WOOLF, E. AUDITING TODAY, 4TH. Edition**
Prentice Hall International (UK) 1990.
- 2 **MALAYSIAN COMPANIES ACT 1965,**
Government printers.
- 3 **AUDIT WORKING COMMITTEE, INTERNATIONAL AUDIT
GUIDELINE**
Malaysian Institute of Accountants.
- 4 **KUKAISINGAM, L.T, THE AUDITOR**
The Star, 1991.